

# BULETIN

# ORICC

U T H M

OFFICE FOR RESEARCH, INNOVATION, COMMERCIALIZATION & CONSULTANCY

PEJABAT PENGURUSAN PENYELIDIKAN, INOVASI, PENGKOMERSILAN DAN PERUNDINGAN

*Office for Research, Innovation, Commercialization & Consultancy Management (ORICC)*



**Selamat Datang**  
PANEL-PANEL BAGI PENILAIAN  
MALAYSIA RESEARCH ASSESSMENT (MyRA)

27-28 APRIL 2015

Pejabat Pengurusan Penyelidikan, Inovasi, Pengkomersilan dan Perundingan (ORICC)



## SIDANG REDAKSI

### PENAUNG

YBhg. Profesor Dr. Wahid Razzaly  
Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi)

### PENASIHAT

Profesor Dr. Rosziati Ibrahim  
Dekan Pusat Penyelidikan dan Pembangunan

Profesor Madya Dr. Mohd. Najib Mohd. Salleh  
Dekan Pusat Inovasi, Pengkomersilan dan Perundingan

### KETUA EDITOR

Hawa Omar

### EDITOR

Profesor Madya Dr. Mohd. Amri Lajis  
Dr. Nik Hisyamudin Muhd. Nor  
Anuar Raze Abd. Rahim  
Saliza Samad  
Ng Wee Fern  
Maizatul Fahimah Miskan

### PENYELARAS

Suhaila Othman  
Nur Shahila Salim

### GRAFIK

Nurul Raihan Zulkiflee

### FOTOGRAFI

Khairul Azmi Kamsiran  
Mohd. Zaini Md. Yusof

### PENYUMBANG BERITA

Dr. Saiful Azhar Ahmad Tajudin  
Ketua Pusat Penyelidikan Tanah Lempu (RECESS)

Dr. Samsul Haimi Dahlan  
Pusat Penyelidikan Elektromagnet Gunaan (EMC)

Dr. Zainizan Sahdan  
Ketua Pusat Mikroelektronik dan Nano-Teknologi – Pusat  
Penyelidikan Shamsuddin (MiNT-SRC)

Profesor Madya Dr. Md. Saidin Wahab  
Ketua Pusat Pembuatan dan Bahan Termaju (AMMC)

## TINTA KETUA EDITOR

Assalamualaikum,  
Salam Sejahtera dan Salam 1 Malaysia.

Alhamdulillah,

bersyukur ke hadrat-Ilahi kerana dengan limpah dan kurnia-Nya, maka Buletin Pejabat Pengurusan, Inovasi, Pengkomersilan dan Perundingan (ORICC) atau Buletin ORICC 2015 berjaya diterbitkan. Perkongsian maklumat menerusi buletin ini diharapkan dapat membantu memberikan serba sedikit informasi berkenaan aktiviti penyelidikan dan inovasi di Universiti.

Keluaran Buletin ORICC ini memaparkan pencapaian yang telah diperolehi pada tahun 2014 sehingga pertengahan tahun 2015. Selain itu, penganjuran beberapa program dan aktiviti penting turut dipaparkan bagi menyeronokkan lagi pengisian buletin kali ini.

Semoga Buletin ORICC ini menjadi salah satu wadah dan bahan bacaan yang boleh dimanfaatkan oleh seluruh warga Universiti.

Sekian, semoga kita dapat bertemu kembali dalam keluaran buletin yang akan datang, Insyallah.

Salam Aidilfitri dan Maaf Zahir Batin

Sekian, terima kasih.

**HAWA OMAR**  
**KETUA EDITOR**



# Sekapur Sirih



**Yang Berbahagia Prof. Dr. Wahid Razzaly**  
**Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi)**  
**Universiti Tun Hussein Onn Malaysia**

Assalamualaikum waroh matullahi wabarakatuh,  
Salam sejahtera, dan Salam 1 Malaysia.

Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) amat komited dalam melaksana serta memantapkan aktiviti penyelidikan, inovasi, pengkomersilan dan perundingan yang dapat dibuktikan dengan pelbagai kejayaan yang telah diraih oleh pihak Universiti samada di peringkat kebangsaan dan antarabangsa. Wadah ini memerlukan komitmen jitu daripada semua pihak khususnya warga Pejabat Pengurusan Penyelidikan, Inovasi, Pengkomersilan dan Perundingan (ORICC) dan warga UTHM yang tanpa jemu sentiasa berusaha meningkatkan kecemerlangan penyelidikan, inovasi, pengkomersilan dan perundingan di UTHM.

Adalah amat diharapkan semua usaha dan kejayaan ini dapat diterjemahkan dalam Buletin ORICC ini sehingga mampu mencetus minat dan keinginan warga UTHM untuk lebih berdaya saing dalam menghasilkan penyelidikan, inovasi, pengkomersilan dan perundingan yang diiktiraf di peringkat kebangsaan dan antarabangsa.

Akhir kata, sekalung penghargaan dan tahniah kepada Ketua Editor serta warga ORICC yang telah menumpahkan usaha tanpa jemu dengan penuh dedikasi sehingga berjaya menzahirkan Buletin ORICC ini sebagai rujukan warga UTHM. Marilah kita sama-sama berganding bahu untuk meneruskan usaha murni ke arah mengangkat citra UTHM sebagai salah sebuah Universiti Awam yang terbaik dalam penyelidikan, inovasi, pengkomersilan dan perundingan di Malaysia khususnya dan serata dunia umumnya.

**PROFESOR DR. WAHID RAZZALY**

## DENGAN INGATAN TULUS IKHLAS

Pejabat Pengurusan Penyelidikan, Inovasi, Pengkomersilan dan Perundingan (ORICC) mengucapkan



## SESI PENILAIAN TAPAK (AUDITAN) BAGI PENARAFAN BINTANG MALAYSIA RESEARCH ASSESSMENT (MyRA®)

Penarafan bintang MyRA® buat julung kalinya telah diadakan pada tahun 2012 dengan tujuan untuk menilai pencapaian Institusi Pengajian Tinggi (IPT) dalam penyelidikan dan pembangunan (R&D) untuk tahun 2011. Penarafan ini diadakan tiga tahun sekali dan pada tahun 2015 telah genap tiga tahun bagi Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) melaksanakan ekseseis dengan menilai pencapaian bagi tahun 2014.

Bagi penilaian MyRA® tahun 2014, Pejabat Pengurusan Penyelidikan, Inovasi, Pengkomersilan dan Perundingan (ORICC) telah diberi tanggungjawab untuk melaksanakan proses pengumpulan data pencapaian Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) mengikut Glosari Pindaan 2 (2014) yang telah dikemaskini pada 10 Disember 2014 oleh KPM. Penilaian bagi penarafan bintang MyRA® melalui dua proses iaitu penilaian dokumen dan penilaian tapak. Proses penilaian dokumen telah dilaksanakan oleh pihak KPM pada **03 hingga 06 Mac 2015** berdasarkan data pencapaian UTHM yang dilengkapkan secara atas talian (eMyRA®) manakala sesi penilaian tapak (auditan) telah dijalankan di UTHM pada **27 hingga 28 April 2015**.

Sebagai persediaan menghadapi sesi penilaian tapak (auditan) tersebut, pihak ORICC telah melaksanakan dua sesi auditan peringkat dalaman pada 23 dan 26 April 2015 yang bertujuan memastikan kelancaran dalam proses penyusunan dokumen agar memenuhi keperluan panel penilai.

Sesi penilaian tapak (auditan) yang melibatkan seramai 8 orang yang dilantik oleh pihak KPM (5 panel penilai, 1 *Taskforce* MyRA dan 2 Urusetia) diketuai oleh YBhg. Dato' Prof. Dr. Abu Bakar Salleh. Panel Penilai lain terdiri daripada YBhg. Prof. Dr. Normah Omar, YBhg. Prof. Dr. Norani Muti Mohamed, YBhg. Prof. Dr. Syed Idris Syed Hassan dan YBhg. Prof. Dr. Muhammad Hisyam Lee. Wakil *Taskforce* MyRA® adalah Prof. Madya Dr. Shahir Shamsir Omar, manakala En. Muhammad Hafizul Matmor dan Cik Fazilah Musa bertindak selaku Urusetia KPM.

Sesi penilaian tapak (auditan) ini dimulakan dengan ucapan aluan daripada YBhg. Prof. Dr. Wahid Razzaly selaku Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi), UTHM diikuti ucapan pembukaan daripada Ketua Panel Penilai. Proses auditan telah berlangsung selama satu hari setengah dengan pembahagian kategori penilaian adalah seperti berikut:

Seksyen	Panel
<b>Section A:</b> General Information	YBhg. Dato' Prof. Dr. Abu Bakar Salleh
<b>Section B:</b> Quantity & Quality of Researchers	
<b>Section C:</b> Quantity & Quality of Research	YBhg. Prof. Dr. Muhammad Hisyam Lee
<b>Section D:</b> Quantity of Postgraduates	YBhg. Prof. Dr. Norani Muti Mohamed
<b>Section E:</b> Quality of Postgraduates	
<b>Section F:</b> Innovation	YBhg. Prof. Dr. Normah Omar
<b>Section G:</b> Professional Services and Gifts	
<b>Section H:</b> Networking and Linkages	YBhg. Prof. Dr. Syed Idris Syed Hassan
<b>Section I:</b> Support Facilities	

Mesyuarat Penutupan Sesi Penilaian Tapak (Auditan) Bagi Penarafan Bintang Malaysia Research Assessment (Myra®) telah diadakan pada 28 April 2015. Mesyuarat dimulakan dengan pembentangan dapatan auditan oleh Ketua Panel Penilai. Mesyuarat penutupan ini turut dihadiri oleh Pegawai-Pegawai Kanan Universiti dan para auditee yang terlibat sepanjang program berjalan.

Pihak ORICC mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada semua pihak yang terlibat dalam menjayakan pengumpulan data MyRA sehingga proses auditan selesai dilaksanakan.





# SESI PENILAIAN TAPAK (AUDITAN) BAGI PENARAFAN BINTANG MALAYSIA RESEARCH



## MESYUARAT PEMBUKAAN



## SESI PENILAIAN TAPAK (AUDITAN)



## MESYUARAT PENUTUPAN



# MESYUARAT JAWATANKUASA ENDOWMEN UNIVERSITI

Endowmen atau Al-Waqaf ialah aset kewangan yang didermakan kepada institusi yang tidak berteraskan keuntungan samada dalam bentuk wang tunai, saham, tabung pelaburan atau harta modal yang cara-cara penggunaannya telah dipersetujui bersama-sama. Endowmen boleh diterima dalam pelbagai bentuk samada wang ringgit, saham-saham pelaburan, aset, pembinaan bangunan dan infrastruktur, keuntungan pelaburan dan atau apa-apa bentuk sumbangan endowmen yang telah dipersetujui bersama.

Tatacara penggunaan dana endowmen meliputi aktiviti berikut:

- Membiayai aktiviti-aktiviti yang melibatkan penyelidikan dan inovasi.
- Membiayai aktiviti-aktiviti yang berteraskan kepada kebajikan pelajar.
- Membiayai kos berkaitan pembentukan Kursi Profesor seperti membayar elaun dan aktiviti penyelidikan.
- Membiayai insentif pencapaian pegawai yang terlibat dengan penjaan dana endowmen tertakluk kepada kadar yang diluluskan oleh Jawatankuasa Pemegang Amanah Universiti.
- Membiayai kos pengurusan dan operasi berkaitan endowmen (tertakluk kepada kelulusan Jawatankuasa Pemegang Amanah Endowmen Universiti / Jawatankuasa baharu yang ditubuhkan).

Tabung Endowmen Universiti Tun Hussein Onn Malaysia diurustadbir oleh dua jawatankuasa iaitu:

- **Jawatankuasa Pemegang Amanah Endowmen**
- **Jawatankuasa Pengurusan Amanah Endowmen**

Buat julung kalinya Mesyuarat Jawatankuasa Pemegang Amanah Endowmen Universiti Bil.1/2015 yang dipengerusikan oleh **YBhg. Dato' Sri Sufri Hj. Mohd Zin** telah diadakan pada 13 Januari 2015 bertempat di Trans Resources Corporation Sdn. Bhd, Ampang, Selangor. Intipati penting mesyuarat antaranya adalah meluluskan penubuhan Jawatankuasa Pengurusan Amanah Endowmen. Selain itu, jawatankuasa juga bersetuju menempatkan seorang Pengurus Dana yang dilantik secara tetap bagi melihat dan merangka tegi penjaan Endowmen secara konsisten dan berterusan.



Mesyuarat Jawatankuasa Pemegang Amanah Endowmen Bil. 1/2015



stra-

Susulan daripada itu, Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Amanah Endowmen Universiti Bil.1/2015 yang dipengerusikan oleh **YBhg. Dato' Naib Canselor** telah diadakan pada 26 Januari 2015 bertempat di UTHM. Pihak jawatankuasa telah bersetuju mengenai cadangan Projek Pembangunan Tanah/Hartanah bagi penjaan endowmen Universiti seperti berikut:

- Projek 1 - Ketua Projek : PNC (Pembangunan, Pengurusan Fasiliti dan ICT)**  
Penamaan Makmal Penyelidikan dan Asrama Kediaman  
Pembinaan Projek Pembangunan Dengan Tajaan Luar
- Projek 2 - Ketua Projek : Pengarah Pusat Kemajuan dan Hubungan Alumni**  
Pembangunan Asrama *3rd Party Revenue* (Pembangunan Desa Alumni)
- Projek 3 - Ketua Projek : Pendaftar**  
Yayasan UTHM – Projek Pembangunan Penginapan Pelajar di Batu Pahat dan Pagoh
- Projek 4 - Ketua Projek : Timbalan Bendahari (En. Norza Iskandar Hilmi Abdullah)**  
Pembangunan Tanah Kuari / Geologi
- Projek 5 - Ketua Projek : Bendahari**  
Pembangunan Tanaman Kelapa Sawit Kawasan Pagoh, Kampus UTHM dan Pejabat Pertanian (MOA)
- Projek 6 - Ketua Projek : Eksekutif Pembangunan Perniagaan**  
Penganjuran Pengurusan Acara Makan Malam/ Pertandingan Golf Amal
- Projek 7 - Ketua Projek : Dekan Pusat Inovasi, Pengkomersilan dan Perundingan**  
Pembangunan Tanah di Tanjung Laboh



Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Endowmen Bil. 1/2015 di UTHM



## UTHM RAIH 10 PINGAT DAN ANUGERAH KHAS DI ITEX'15

KLCC, Mei 2015 - Hasil penyelidikan dan inovasi Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) telah berjaya menerima pengiktirafan di peringkat antarabangsa dengan kejayaan memperoleh satu Anugerah Khas, lima pingat Emas, dua pingat Perak dan tiga pingat Gangsa dalam Pertandingan Penyelidikan dan Inovasi yang diadakan sempena 26th International Invention, Innovation, and Technology Exhibition 2015 (ITEX'15) yang berlangsung pada 21 hingga 23 Mei 2015 di Kuala Lumpur Convention Centre (KLCC).

UTHM telah meraih satu Anugerah Khas yang dimenangi oleh Encik Muhammad Fakri Othman dari Fakulti Sains Komputer dan Teknologi Maklumat (FSKTM). Manakala lima pingat Emas diperolehi melalui hasil penyelidikan yang diketuai oleh Encik Muhammad Fakri Othman dari FSKTM, Profesor Madya Dr. Abd. Mutalib Leman dari Fakulti Teknologi Kejuruteraan (FTK), Profesor Madya Dr. Md Saidin Wahab dari Fakulti Kejuruteraan Mekanikal dan Pembuatan (FKMP), Dr. Mohd Ezree Abdullah dan Dr. Kamaruddin Ambak dari Fakulti Kejuruteraan Awam dan Alam Sekitar (FKAAS).

Lebih dari 700 produk hasil penyelidikan dan inovasi telah menyertai pertandingan ini dan melibatkan peserta-peserta daripada Institusi Pengajian Tinggi, Syarikat Korporat, Agensi-Agensi Kerajaan, Persatuan-Persatuan Inovasi dan perseorangan. Pertandingan ini juga mendapat penyertaan daripada pelbagai negara seperti Iran, Korea, Poland, Russia, Taiwan, Vietnam, Arab Saudi, Filipina, China dan Hong Kong.

Pertandingan Penyelidikan dan Inovasi ini telah diadili oleh panel-panel hakim daripada negara luar selain agensi-agensi yang dilantik melalui beberapa aspek seperti keaslian idea, pembaharuan dan inovasi yang dilakukan, sumbangan kepada masyarakat serta potensi untuk dikomersilkan.

Pameran ini telah menjadi medium bagi membantu para penyelidik untuk mewujudkan kerjasama dan hubungan dengan pihak luar dalam membantu mengkomersilkan produk penyelidikan dan inovasi. Maklumbalas yang diterima serta yang ditunjukkan oleh semua pihak untuk kerjasama pengkomersilan diharapkan dapat meningkatkan hasil pengkomersilan UTHM.

Tahniah dan syabas diucapkan kepada semua penyelidik yang berjaya mencapai kejayaan dalam ITEX 2015 serta semua pihak yang turut sama membantu menjayakan pertandingan ini.



## UTHM-INDUSTRY OPEN DAY 2014

Program **UTHM – Industry Open Day 2014** telah dilaksanakan dengan jayanya pada 20 Ogos 2014. Ia merupakan program terbaik bagi Universiti mengetengahkan kepakaran, kemudahan peralatan dan fasiliti makmal kepada pihak industri. Pada masa yang sama, ia menyediakan platform kepada Penyelidik Universiti dalam menjalin hubungan dan kerjasama strategik. Program ini adalah anjuran bersama Pejabat Hubungan Universiti dan Industri (PHUI), UTHM.

Program yang melibatkan jemputan industri dan syarikat dari pelbagai bidang dan semua staf akademik Universiti telah dirasmikan oleh Yang Berbahagia Dato' Dr. Mohd Azhar Hj Yahaya, Timbalan Ketua Setiausaha (Dasar), Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi selaku Wakil Rasmi Yang Berhormat Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi. Program turut dihadiri oleh Yang Berhormat Mejar Jeneral (Bersara) Dato' Md. Ismail Ahmad Khan, Ahli Lembaga Pengarah Universiti dan Yang Berbahagia Profesor Dato' Dr. Mohd Noh Dalimin, Naib Canselor UTHM.

Selain mempromosikan hasil penyelidikan dan produk-produk inovasi kepada pihak industri, program ini berjaya meningkatkan 'visibility' UTHM dalam kalangan industri dan syarikat utama khususnya di negeri Johor.

Kemuncak acara adalah Majlis Menandatangani MoU Universiti Tun Hussein Onn Malaysia bersama tujuh agensi yang merangkumi 5 bidang utama iaitu:

- Kejuruteraan Awam - *University College of Technology Sarawak (UCTS)*
- Kejuruteraan Mekanikal - *SCOMI RAIL Bhd., Salutory Avenue Manufacturing Sdn. Bhd. dan Dream Edge Sdn. Bhd.*
- Kejuruteraan Elektrikal - *Elvira Systems Sdn. Bhd.*
- Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan - *National Institute of Occupational Safety and Health (NIOSH)*
- Sains Komputer dan Teknologi Maklumat - *Hewlett Packard (M) Sdn. Bhd. & Technology Education Leader Sdn. Bhd.*

Kelangsungan program diteruskan dengan lawatan ke tapak pameran produk-produk penyelidikan dari Pusat-Pusat Kecemerlangan (COE) dan Pusat-Pusat Penyelidikan (COR). Kesempatan bersama pihak industri ini juga diambil oleh fakulti untuk membawa industri melawat kemudahan prasarana di makmal dan seterusnya perbincangan mengenai potensi kolaborasi penyelidikan yang boleh dilaksanakan.





## RESEARCH AND INNOVATION FESTIVAL 2014 (R&I FEST 2014)

Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) melalui Pejabat Pengurusan Penyelidikan, Inovasi, Pengkomersilan dan Perundingan (ORICC) telah berjaya merealisasikan penganjuran *Research & Innovation Festival 2014 (R&I Fest 2014)* pada 02 dan 03 November 2014.

R&I Fest adalah merupakan wadah untuk para penyelidik dan pelajar mempertandingkan produk hasil penyelidikan dan inovasi masing-masing yang mana penilaian adalah dilaksanakan oleh para juri yang berkelayakan dan berpengetahuan luas dalam bidang masing-masing. Melalui penganjuran R&I Fest adalah diharapkan agar motivasi pelajar dan para penyelidik dalam melaksanakan penyelidikan dan inovasi UTHM ke arah yang lebih cemerlang semakin meningkat. Menerusi R&I Fest 2014, dua kategori dipertandingkan iaitu Kategori Penyelidikan dan Kategori Inovasi.

Bagi Kategori Penyelidikan, produk-produk penyelidikan telah dipertandingkan dalam tiga bidang utama iaitu *Applied Research, Fundamental Research* dan *Innovative Product Research*. Manakala tujuh klasifikasi bidang penyelidikan mengikut fakulti yang boleh disertai ialah:

- *Electrical, Electronic and Communication*
- *Mechanical and Manufacturing*
- *Civil and Environmental Engineering*
- *Technical and Vocational Engineering*
- *Humanities, Social Sciences and Management*
- *Science Fundamental*
- *Information Communication Technology*

Bagi Kategori Inovasi pula, hasil inovasi boleh dipertandingkan dalam tiga bidang iaitu:

- *Engineering & Technology*
- *Information Communication Technology*
- *Education, Management, Humanities & Social Science*

Majlis Perasmian *Research & Innovation Festival 2014 (R & I Fest 2014)* telah dilaksanakan oleh Yang Berhormat Dato' Seri Hj. Idris Jusoh, Menteri Pendidikan II, Kementerian Pendidikan Malaysia. Majlis turut diserikan dengan kehadiran Yang Berbahagia Profesor Dato' Dr. Mohd Noh Dalimin, Naib Canselor UTHM.





Pusat Penyelidikan Luar UTHM-PTNI 18 Oktober 2014



MTE 12-14 Februari 2015



Gotong-Royong Bilik Galeri 17 Mei



Majlis Penamatan Pelajar LI 16 April 2015



Bowling 17 April 2015





MyRA 27 & 28 April 2015



ICC Roadshow 26-27 Mei & 16 Jun 2015



Bengkel LRGS 28 Mei 2015



ITEX 21-23 Mei 2015



Bengkel Garis Panduan Spin-Off Company 14 Jun 2015

## ANUGERAH KECEMERLANGAN PENYELIDIKAN DAN INOVASI 2014

Anugerah Kecemerlangan Penyelidikan dan Inovasi 2014 merupakan anugerah yang julung kali diadakan pada 03 November 2014 bersekaian dengan Majlis Penyampaian Hadiah Research and Innovation Festival 2014 (R&I Fest 2014). Objektif penganugerahan ini adalah untuk memberi pengiktirafan kepada warga Universiti yang cemerlang dalam bidang penyelidikan dan inovasi bagi tahun penilaian 2012 dan 2013. Selain mewujudkan budaya pengiktirafan serta penghargaan atas pencapaian cemerlang penyelidik, anugerah ini membantu memberikan motivasi dan galakkan kepada staf untuk terus berusaha dengan lebih gigih mencapai kecemerlangan dalam penyelidikan dan inovasi.

Anugerah Kecemerlangan Penyelidikan dan Inovasi menawarkan hadiah yang berupa insentif geran penyelidikan. Selain itu, sijil penghargaan dan cenderamata iringan juga disediakan untuk para pemenang. Anugerah ini menawarkan penyertaan kepada staf UTHM dalam lapan kategori anugerah.

- Anugerah Insentif Geran Penyelidikan Antarabangsa
- Anugerah Insentif Khas Universiti
- Anugerah Insentif Khas Naib Canselor
- Anugerah Inovasi Universiti
- Anugerah Penyelidik Cemerlang
- Anugerah Perunding Cemerlang
- Anugerah Penyelia Cemerlang
- Anugerah Khas Penyeliaan



Penyampaian Hadiah R&I Fest 2014 telah disampaikan oleh Yang Berbahagia Profesor Dr. Wahid Razzaly, manakala penyampaian Anugerah Kecemerlangan Penyelidikan dan Inovasi telah disempurnakan oleh Yang Berbahagia Profesor Dato' Dr. Mohd Noh Dalimin, Naib Canselor UTHM. Senarai pemenang bagi Anugerah Kecemerlangan Penyelidikan dan Inovasi tahun 2014 adalah:

BIL.	ANUGERAH	NILAI INSENTIF GERAN (RM)	PEMENANG	FAKULTI
1	Anugerah Perunding Cemerlang	RM 3,000.00	Prof. Dr. Wahid Razzaly	FPTV
2	Anugerah Insentif Khas Universiti	RM 2,000.00	Prof. Madya Dr. Muhammad Yusof Ismail	FKEE
3	Anugerah Penyelidik Cemerlang	RM 3,000.00	Prof. Madya Dr. Anika Zafiah Mohd. Rus	FKMP
4	Anugerah Insentif Geran Penyelidik Antarabangsa	RM 2,000.00	Prof. Dr. Jailani Md. Yunos	FPTV
5	Anugerah Khas Naib Canselor	RM 2,000.00/ Seorang	Prof Madya Dr. Anika Zafiyah Mohd. Rus Prof Madya Dr. Muhammad Yusof Ismail Prof. Madya Dr. Mohd Amri Lajis Prof. Dr. Rosziati Ibrahim	FKMP FKEE FKMP FSKTM
6	Anugerah Penyelia Cemerlang	Sarjana: RM 2,000.00 PHD: RM 3,000.00	Prof. Madya Dr. Wan Zahari Wan Yusoff Prof. Dr. Mustafa Mat Deris	FPTP FSKTM
7	Anugerah Khas Penyeliaan	RM 2,000.00	Prof. Dr. Mustafa Mat Deris	FSKTM

# PUSAT PENYELIDIKAN TANAH LEMBUT RESEARCH CENTRE FOR SOFT SOIL (RECESS)


UTHM TERUS UNGGUL BERKOLABORASI BERSAMA UNIVERSITI LUAR NEGARA

BANDUNG-JAKARTA, INDONESIA - Pusat Penyelidikan Tanah Lempot (RECESS) dan Fakulti Kejuruteraan Awam dan Alam Sekitar (FKAAS), Universiti Tun Hussein Onn Malaysia bersama-sama dengan Universitas Katolik Parahyangan (UNPAR) buat julung kalinya menganjurkan persidangan antarabangsa "Soft Soils Engineering and Ground Improvement 2014". Persidangan ini telah berlangsung selama empat (4) hari bermula 20 – 23 Oktober 2014 bertempat di Mercure Hotel, Bandung, Indonesia.

Persidangan bertemakan "SEA Geotechnical Conference on Soft Soils" telah membuka tirai dengan kursus pendek selama satu hari bagi berkongsi idea, pandangan dan pendapat yang diwakili oleh pakar-pakar dalam bidang geoteknik seperti Prof. Paulus P. Rahardjo (*Parahyangan Catholic University, Indonesia*), Prof. Buddhima Indraratna (*University of Wollongong, Australia*), Prof. Ikuo Towhata (*Tokyo University, Japan*), Prof. Leung Chun Fai (*NUS, Singapore*), Prof. Jian Hua Yin (*Hong Kong Polytechnic University, Hong Kong*), Dr. Noppadol Phien-Wej (*Asian Institute of Technology, Bangkok, Thailand*), Prof. Masyhur Irsyam (*Bandung Institute Technology, Bandung, Indonesia*), Michael Dobie dan ramai lagi. Kursus ini juga membentangkan permasalahan geoteknik dari sudut industri sendiri yang diwakili oleh Keller Foundation.

Persidangan ini telah dirasmikan oleh Prof. Dr. Robertus Wahyudi Triweko dari UNPAR dan Prof. Ir. Dr. Amir Hashim Mohd Kassim selaku wakil rasmi Y.Bhg Naib Canselor UTHM melalui "Signing of Memorandum of Understanding (MoU)" di antara UNPAR dengan UTHM. MoU ini bertujuan bagi melebarkan lagi kerjasama di antara UTHM dan UNPAR terutama kerjasama dalam bidang penyelidikan dan program mobiliti staf dan pelajar.


Persidangan yang telah diusahasama bersama UNPAR ini telah mendapat sambutan yang amat menggalakkan daripada ramai penyelidik dari setiap pelusuk negara seperti Jepun, Australia, Hong Kong, Thailand, Singapura, Indonesia dan Malaysia. Sebanyak 71 kertas kerja telah diterima dan sebanyak 67 kertas kerja telah dibentangkan dalam persidangan dan 4 kertas kerja dibentangkan melalui poster.



- Universitas Katolik Parahyangan (UNPAR), Bandung, Indonesia.
- Telah ditandatangani bersama pada 21 Oktober 2014.



- Universiti Kolej Teknologi Sarawak (UCTS),Sibu,Sarawak.
- Telah ditandatangani bersama pada 20 Ogos 2014.



Delegasi UTHM diketuai oleh TNC (HEPA dan Alumni) sebagai wakil rasmi Y Bhg. Naib Canselor UTHM bersama Rektor UNPAR.



Majlis menandatangani MoU di antara UTHM dan UNPAR

## PROGRAM KHIDMAT MASYARAKAT

Pada 3-8 Februari 2015 yang lalu, Misi 13 - Kembara Amal Pasca Bantuan Banjir telah dilaksanakan di Tanah Merah, Kelantan. Misi ini diketuai oleh Ketua RECESS dan Dekan FKAAS serta penglibatan staf CoE, FKAAS, FTK, PPD, FKEE dan FKMP seramai 23 orang dan juga 5 orang pelajar. Misi ini bertujuan melaksanakan projek pembinaan telaga tiub dan mengagihkan naskhah Al-Quran.

Sebanyak 3 telaga tiub telah berjaya dibina iaitu di SK Sokor, Madrasah Kusial Baru dan Madrasah Bukit Telaga. Pengagihan sebanyak 155 naskhah Al-Quran hasil sumbangan staf di FKAAS melalui kempen 1 staf 1 Al-Quran telah dilaksanakan ke beberapa Masjid dan Madrasah di sekitar kawasan Tanah Merah yang terlibat banjir. Masjid yang terlibat ialah Masjid Kg Sokor dan Masjid Kg Tebing Tinggi. Manakala surau ialah Surau Tebing Tinggi dan Madrasah Perumahan Kusial serta Pusat Pengajian Tahfiz, Mahadullslah Al-Islami yang terletak di Kusial, Tanah Merah, Kelantan.

Susulan dari pembinaan telaga tiub di Madrasah Kusial Baru, satu majlis penyerahan telaga tiub telah diadakan pada 14 Februari 2015 oleh UTHM kepada penduduk Kampung Kusial Baru. Majlis telah dirasmikan oleh ADUN Gual Ipoh YB Hj. Mohd Bakri Mustapha dengan dihadiri oleh Ahli Lembaga Pengarah UTHM Dato' Sri Sufri Mohd Zin, Pegawai Kanan Universiti, JKKKP Kg. Kusial Baru Hj. Mohd Napi Md Ali, Ahli Jawatankuasa Madrasah dan penduduk Kampung Kusial Baru.

Telaga tiub telah dibina di dalam kawasan madrasah dengan tujuan untuk membekalkan air bersih kepada penduduk kampung setelah mereka menghadapi gangguan bekalan air bersih akibat bencana banjir. Kampung Kusial Baru dipilih untuk dibina telaga tiub berikutan hasil kerja geofizik yang dilakukan oleh UTHM mendapati kawasan kampung ini mempunyai potensi air bumi yang boleh dimanfaatkan dengan sebaiknya.

Selain itu juga, kampung tersebut dicadangkan untuk dijadikan kampung angkat oleh FKAAS dengan pelbagai aktiviti yang akan dilaksanakan bersama kelak.



# MICROELECTRONIC AND NANOTECHNOLOGY - SHAMSUDDIN RESEARCH CENTER (MiNT-SRC)


## FASILITI DI MiNT-SRC

### Nanomaterials Processing Research Laboratory (NPRL)



DR MOHD ZAINIZAN BIN SAHDAN

NPRL is currently focusing on the processing and synthesis of nanomaterials for applications of hybrid solar cells, spintronic and sensors. Currently we have successfully fabricated the hybrid solar cell with efficiency below 1% using single junction structure. We also have successfully developed a portable bacteria monitoring system using the integration of microfluidic and optical sensor for in-situ measurement. This product will be commercialized and will be a helping tool for rescue team during natural disaster such as flash flood and tsunami.




### Solar Device and Nanostructures Material Laboratory (SDNM Lab)



DR MOHD KHAIRUL BIN AHMAD

SDNM Lab is a research laboratory focuses on solar devices such as solar cell, UV light sensor and various kind of nanostructure materials. We have developed solar cell with 4.3% of power conversion efficiency. This solar cell called Dye-sensitized solar cell. It is thin film based solar cell with superb reaction towards solar irradiation. With unique characteristic of nanostructure materials, we prepared it for waste water treatment. Light from the sun will give effects that give benefits in our day life.




### Biosensor and Bioengineering Laboratory (BB Lab)



DR SOON CHIN FHONG

Biosensor and bioengineering research group is a multidisciplinary group focuses on the research in 3D cell culture, fabrication of microfluidic system, polymer, bio-instrumentation, biochemistry and imaging. We have developed novel liquid crystal based microtissue culture system and new instrumentation in generating polymer based microcapsules that have potential to be applied in pharmacology and cytotoxicity study. Nonetheless, we have the capability to develop vision measurement system and heavy metal waste sensing system.




### Dry Processing Research Laboratory (DPRL)



PROF. MADYA DR NAFARIZAL BIN NAYAN

DPRL focuses on functional Thin film deposition and etching processes using plasma – aided processing technology, which is also known as dry processing. In order to control and optimize the nano-scale thin film deposition and etching, it is essential to understand the plasma properties. Therefore, our team also investigate the plasma properties such as plasma density and temperature using Langmuir probe analysis and advanced optical emission spectroscopy techniques.

<http://mint.uthm.edu.my/dryprocess/>



# PERKONGSIAN ILMU

## KEJAYAAN FAKULTI KEJURUTERAAN MEKANIKAL DAN PEMBUATAN

### TEMUBUAL EKSKLUSIF BERSAMA

#### MANTAN DEKAN FAKULTI KEJURUTERAAN MEKANIKAL DAN PEMBUATAN (YBHG. PROFESOR DR. YUSRI YUSOF)

1. *Terlebih dahulu pihak ORICC mengucapkan setinggi-tinggi tahniah di atas kenaikan pangkat jawatan Profesor mulai April 2015 yang lalu. Juga ucapan terima kasih di atas kesudian YBhg. Prof. di dalam sesi perkongsian 'rahsia kejayaan' fakulti ini.*

Terima kasih kembali di atas ucapan tersebut. Saya juga ingin mengucapkan terima kasih kepada pihak ORICC di atas kesudian dan memberikan peluang di sesi temubual ini.

2. *Berdasarkan rekod, FKMP antara fakulti yang berjaya mengekalkan kecemerlangan penyelidikan dan inovasi. Apakah rahsia yang diamalkan oleh fakulti jika boleh dikongsi bersama?*

Kejayaan ini pada saya ianya merupakan satu pengiktirafan kepada fakulti secara kolektifnya. Hal ini bukanlah sesuatu yang dibangunkan, tetapi ia lebih memberikan kepuasan kepada pentadbir fakulti. Dan kalau dilihat di peringkat Universiti, sama ada pencapaian melalui geran penyelidikan dan juga inovasi, tidak dinafikan FKMP banyak menyumbang kepada pencapaian Universiti. Bagi saya, tiada rahsia atau resepi yang tidak boleh dikongsi. Pertamanya adalah 'teamwork' di fakulti. Jika saya boleh jelaskan, ianya sama juga dengan PTJ lain yang mempunyai Struktur Organisasi masing-masing. Tetapi Struktur Organisasi ini perlu berfungsi 100%. Bukan sahaja di atas kertas, tetapi boleh diterjemahkan di dalam bentuk pelan tindakan dan tindakan yang telah dirancang. Jika pelan tindakan di atas kertas cantik, tetapi tidak dilaksanakan dan terdapat masalah, maka hasilnya yang diinginkan tidak akan tercapai. Keduanya, di fakulti ini, kita 'blend'kan senior staf dan junior staf bersama-sama. Jadi, semua orang akan dapat habuan masing-masing. Tetapi jika kita mengadakan kumpulan-kumpulan tertentu atau dipisah-pisahkan, contohnya kumpulan senior yang kurang aktif, maka mereka akan duduk di dalam kumpulan mereka sahaja. Tetapi jika ada penggabungan, semua orang ada peranan masing-masing dan semua orang akan rasa seronok. Dalam kerja, bila kita dapat keseronokan dan kepuasan, kita akan buat lebih. Tetapi jika ia dibuat kerana terpaksa, untuk memenuhi KPI atau kerana bos contohnya, kita mungkin buat, tetapi tidak buat sepenuhnya. Jika ada kepuasan dan keseronokan, lelah yang diusahakan tidak terasa. Ini juga menimbulkan persaingan yang positif. Contohnya, jika penyertaan pameran, si dia dah dapat emas, aku pun nak dapat emas juga. Sekali lagi ingin saya tekankan, kerjasama sangat penting kerana kita tidak akan meninggalkan mana-mana bahagian di dalam fakulti. Setiap anggota fakulti ada peranannya. Contohnya, di fakulti, terdapat profesor-profesor yang lebih senior dari saya. Saya menganggap mereka semua sebagai Abang Long. Analoginya, kalaulah Abang Ngah bawa balik rambutan, saya beranggapan Abang Long bawa balik durian. Jadi barulah adik-adik yang lain boleh rasa durian, rasa rambutan mengikut kesesuaian masing-masing. Jika semua orang bawa balik buah yang sama, mungkin ada yang tidak sesuai dimakan oleh seseorang yang tertentu. Seterusnya, saya ingin kaitkan berkaitan habuan dan keseronokan ini di sudut elemen agama. Saya selalu tekankan dalam pengurusan, ada habuan yang kita dapat di dunia seperti kenaikan pangkat, kemenangan, anugerah dan sebagainya. Tetapi adakah itu sahaja? Kita perlu ingat bahawa ada dunia lain. Oleh itu, kita tidak akan berkira. Dengan ini akan ada penyalarsan di antara dunia dan akhirat, mudah-mudahan. Tanpa mengira bangsa, agama, staf akademik mahupun staf pentadbiran.



Tahun	Pelantikan
2015 - 2017	Pengarah Pejabat Antarabangsa
2013 - 2015	Dekan Fakulti Kejuruteraan Mekanikal dan Pembuatan
2011 - 2013	Dekan Fakulti Kejuruteraan Mekanikal dan Pembuatan
2011 - 2011	Timbalan Dekan Fakulti Kejuruteraan Mekanikal dan Pembuatan
2009 - 2011	Timbalan Dekan Penyelidikan & Pembangunan) Fakulti Kejuruteraan Mekanikal dan Pembuatan
2008 - 2010	Ketua Jabatan Pejabat Pengurusan Strategik dan Kualiti

Bersambung di muka sebelah...



## UTHM breaks into QS World University Ranking by Subject 2015

Top 300 for Mechanical, Aeronautical and Manufacturing Engineering

3. *Bagaimanakah pihak fakulti mewujudkan persekitaran inovasi atau budaya penyelidikan dalam kalangan warga fakulti?*

Alhamdulillah, fakulti ini mempunyai agak ramai staf berkelulusan PhD. Mereka ini, contohnya bila balik dari cuti belajar atau sebagainya, fakulti akan letakkan di bawah kumpulan fokus tertentu yang dipilih sendiri oleh staf tersebut. Pertamanya, saya tekankan, tidak semua orang akan buat akan buat penyelidikan mengikut bidang PhD masing-masing. Jadi pemilihan kumpulan fokus yang paling hampir dengan bidang, menggalakkan mereka bergerak secara kumpulan. Kumpulan akan melihat kepelbagaian kepakaran untuk memperoleh sesuatu yang lebih baik lagi. Fakulti ini mempunyai 21 kumpulan fokus termasuk CoE. Jumlah yang besar ini akan memudahkan staf untuk membuat pilihan yang paling tepat dan fakulti juga cuba memenuhi. Bila mereka telah ada sesuatu platform yang mereka seronok, dibantu lagi dengan rakan sekumpulan yang mungkin menghampiri bidang yang sama, maka ia menjadi pemangkin kepada lonjakan kecemerlangan tersebut. Keduanya jika berkaitan inovasi, di Fakulti mempunyai subjek Rekabentuk. Jadi, kita libatkan pelajar terutamanya bagi pelajar-pelajar tahun akhir. Kaedahnya pelajar akan dibahagikan mengikut kumpulan, dibantu oleh rakan penasihat industri, penyelia pelajar bagi menghasilkan produk. Penghasilan produk akhir secara realiti ini akan mendatangkan kepuasan. Budaya penyelidikan dan inovasi ini, dimulakan daripada peringkat pelajar lagi. Bukan sahaja di kalangan staf.

4. *Bagaimana pihak Prof. menguruskan cabaran atau halangan bagi mencapai kejayaan prestasi penyelidikan dan inovasi di fakulti?*

Setiap portfolio yang diamanahkan ada cabarannya. Pada saya, pertamanya adalah bersikap terbuka. Terbuka untuk menerima pandangan, kritikan dan nasihat daripada orang lain termasuk secara fizikalnya, pintu bilik Dekan juga perlu terbuka. Jika amalan lain, dengan keadaan pintu tertutup, agak sukar nak datang berjumpa Dekan. Perlu buat temujanji dengan Setiausaha terlebih dahulu atau sebagainya. Bila terbuka mereka rasa lebih mudah. Dengan itu, masalah kecil boleh diselesaikan lebih awal. Jika telah kritikal baru nak bincang dan cari penyelesaian, impaknya mungkin jadi lebih besar dan agar sukar untuk penyelesaiannya. Keduanya, daripada masa ke semasa cuba untuk formal atau tidak formal. Contohnya, fakulti mendapat arahan untuk menyediakan laporan bagi pembentangan mesyuarat LPU. Secara formal kita akan tunggu surat rasmi. Tetapi secara tidak formal kita boleh proaktif dengan memanggil Timbalan-Timbalan Dekan untuk perbincangan dan menyelesaikan arahan tersebut serta pembahagian tugas. Bila ada kerjasama untuk menyelesaikan misi yang sama, sesuatu kerja akan menjadi lebih mudah. Konflik tetap ada. Walaupun bagaimanapun, ia boleh dikurangkan melalui budaya hormat-menghormati serta tegur-menegur. Dengan sikap terbuka, kita boleh mengurangkan elemen-elemen negatif yang ada dalam sesebuah organisasi.

5. *Mungkin ada produk atau hasil penyelidikan warga fakulti yang memberikan impak kepada fakulti?*

Pertamanya adalah melalui projek yang diketuai oleh Prof. Madya Dr. Ahmad Jais bagi geran MyLAB yang bernilai RM 2.3 juta. Ia membuka mata bukan sahaja warga fakulti, malah warga Universiti. Ini menunjukkan bahawa fakulti / Universiti mempunyai staf yang berbakat besar. Bukan sahaja juara kampung malah boleh pergi lebih jauh lagi. Keduanya melalui produk MyInovasi yang diusahakan oleh pelajar fakulti bersama pensyarah dan mendapat pengiktirafan diperingkat kebangsaan. Pada peringkat awal, projek ini lebih untuk memenuhi keperluan subjek. Tetapi dengan sedikit sentuhan dan tambah nilai tertentu, produk tersebut boleh pergi lebih jauh lagi. Ini membuktikan jika adanya koordinasi di antara pelajar dan pensyarah elemen-elemen kearah kejayaan boleh dicapai. Ini kerana ia tidak boleh secara paksa, atau terlalu mendesak. Untuk hasil inovasi yang baik, biasanya perlu dibuat di dalam keadaan santai dan semulajadi di samping pemantauan. Produk inovasi kebanyakan tidak melibatkan teknologi yang tinggi. Tetapi mampu menyelesaikan masalah semasa komuniti setempat. Apa yang penting peralatan tersebut mampu menghasilkan produktiviti yang tinggi.

6. *Daripada perspektif penyelidikan dan inovasi, apakah harapan Prof. bagi terutamanya fakulti dan seterusnya Universiti untuk masa akan datang?*

Saya berharap agar dorongan yang telah disediakan oleh pihak Universiti melalui geran-geran penyelidikan/inovasi perlu dikedepankan dan diperluaskan lagi. Ini kerana ia akan merencanakan lagi aktiviti penyelidikan dan inovasi sedia ada sama ada di fakulti dan juga Universiti. Ini kerana staf telah menjadikan ianya satu budaya. Jika sebelum ini, bila berbicara berkaitan penyelidikan, mungkin sangat sukar atau individu tertentu sahaja. Tetapi apabila kumpulan penyelidik yang dibiayai Universiti telah bergerak dan menunjukkan kejayaan, ia memberikan keyakinan kepada yang lain ke arah pencapaian yang sama. Dengan itu, ia akan mewujudkan satu ekosistem yang 'magnetized' iaitu suatu sistem yang menarik orang lain untuk terlibat di dalam penyelidikan dan inovasi. Perlu melihat peluang-peluang bukan sahaja dalaman, malah ke peringkat antarabangsa. Diharapkan suatu hari nanti, para penyelidik Universiti dikenali di peringkat antarabangsa. Contohnya bila pencarian di Google Scholar, tersenarai para penyelidik UTHM. Orang mencari penyelidik UTHM bukan kita yang mencari. Usaha telah ada, inisiatif telah dibuat, tetapi perlu diransang dan diperkasakan agar matlamat tercapai. InsyaAllah.

# TAK KENAL, MAKA TAK CINTA



**Prof. Dr. Hjh. Rosziati binti Ibrahim**  
**Dekan Pusat Penyelidikan dan Pembangunan**

Prof. Dr. Hjh. Rosziati binti Ibrahim dilantik sebagai Dekan Pusat Penyelidikan dan Pembangunan mulai 16 Februari 2013. Beliau merupakan Mantan Dekan di Fakulti Sains Komputer dan Teknologi Maklumat sebelum dilantik ke jawatan sekarang. Beliau juga pernah berkhidmat di Universiti Malaysia Sarawak pada tahun 1995 sehingga 2005.

Merupakan anak jati Batu Pahat, beliau mendapat Bachelor of Science (Hons) (Major Applied Mathematics, Minor Computer Science) dari Adelaide University, Australia sebelum melanjutkan pengajian Master of Science (Major Applied Mathematics, Minor Computer Science) di Universiti yang sama. Pendidikan tertinggi beliau ialah Doktor Falsafah di dalam bidang Information Technology - Software Specification dari Queensland University of Technology (QUT) Brisbane, Australia.

Bidang kepakaran beliau ialah Software Engineering dan Data Engineering.

Selain bidang akademik dan penyelidikan, beliau juga aktif di dalam sukan tenis baling. Beliau merupakan wakil tetap Universiti di dalam acara tersebut bagi Sukan Staf Antara Universiti Malaysia (SUKUM) dan juga wakil di peringkat Negeri Johor bagi Majlis Kebajikan dan Sukan Anggota Kerajaan Malaysia (MAKSAM).



**Puan Hawa Omar**  
**Ketua Bahagian Pentadbiran dan Kewangan**  
**Pejabat Pengurusan Penyelidikan, Inovasi, Pengkomersilan dan Perundingan (ORICC)**

Puan Hawa Omar merupakan Timbalan Pendaftar yang mengetuai Bahagian Pentadbiran dan Kewangan, Pejabat Pengurusan Penyelidikan, Inovasi, Perundingan dan Pengkomersilan (ORICC). Beliau mula berkhidmat di UTHM (dahulu dikenali sebagai KUITTHO) sebagai Penolong Pendaftar pada 01 Jun 2001 dan ditempatkan di Unit Senat dan Rekod Pelajar, Pejabat Pengurusan Akademik (PPA). Bermula pada 01 Mei 2004 beliau telah bertugas di Fakulti Kejuruteraan Awam dan Alam Sekitar (FKAAS) dan kemudiannya ditempatkan di Fakulti Kejuruteraan Mekanikal dan Pembuatan (FKMP) mulai 15 September 2008. Beliau mula bertugas di ORICC mulai 03 Mac 2014.

Memperolehi Ijazah Sarjana Muda Pentadbiran Perniagaan dari Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) pada tahun 1997. Setelah berkhidmat selama hampir 11 tahun di Universiti, beliau telah menyambung pengajian di peringkat Sarjana mulai 05 September 2012 di Universiti Teknologi Malaysia (UTM) dalam bidang Pembangunan Sumber Manusia. Beliau telah menamatkan pengajian peringkat Sarjana pada Februari 2014.

Sebelum berkhidmat di UTHM beliau telah bertugas sebagai Eksekutif Kewangan di Malaysia National Insurance Bhd (MNI), Kuala Lumpur mulai 16 Jun 1997, sebelum berhijrah ke Syarikat Teknologi Maklumat di Johor Bahru sebagai Penolong Pengurus pada 01 Mac 1999 hingga 31 Mei 2001.

Bidang kerjaya beliau sejak bergraduasi pada tahun 1997 adalah tertumpu kepada urustadbir organisasi yang merangkumi pengurusan, pentadbiran dan kewangan, manakala pendedahan kepada pengurusan akademik, penyelidikan dan inovasi diperolehi apabila mula berkhidmat di Universiti.



**En. Khairol Azmi bin Kamsiran**  
**Pembantu Tadbir (Perkeranian/Operasi)**  
**Unit Inkubator dan Pengkomersilan**  
**Pusat Inovasi, Pengkomersilan dan Perundingan (ICC)**

Mendapat Pendidikan Awal di Sek. Keb Pintas Raya Parit Raja pada tahun 1990, Sek. Rendah Keb. Batu 3 Kluang pada tahun 1991-1992, Sek. Keb. Telok Kemang Port Dickson Negeri Sembilan pada tahun 1993-1995 dan berpindah ke Sek. Keb. Kem Lok Kawi Kota Kinabalu, Sabah pada tahun 1996. Manakala pada tahun 1997-1998, meneruskan pengajian di Sek. Men. Keb. Bahang Penampang Kota Kinabalu, Sabah dan seterusnya pada tahun 1999-2001 pulang ke semenanjung dan bersekolah di Sek. Men. Keb. Sultan Abdul Jalil Kluang. Beliau telah melanjutkan pengajian di TNM Technomate Technologies dalam bidang Sijil Sistem Komputer dan Komunikasi pada tahun 2004. Seterusnya meneruskan pengajian di Kolej Antarabangsa DMDI, Melaka dalam bidang Diploma Eksekutif Korporat pada tahun 2008.

Mula mengenali UTHM sejak tahun 2005. Selepas tamat pengajian, beliau telah memilih UTHM untuk melaksanakan praktikal yang dahulu dikenali sebagai KUITTHO. Setelah tamat praktikal, permohonan ke UTHM bagi jawatan staf sambilan diterima di Pejabat Pendaftar. Seterusnya dilantik sebagai staf tetap di Pusat Penyelidikan Inovasi (PPI) pada tahun 2009 yang ketika itu bertempat di Blok A2, Aras Bawah.

Beliau sering mengikuti aktiviti-aktiviti ORICC seperti pameran Malaysian International Technology Expo (MTE), Invention Innovation & Technology Exhibition (ITEX), BIOMALAYSIA dan PECIPTA.

Perjalanan hidup beliau penuh dengan perantauan kerana ayah beliau merupakan seorang pegawai tentera. Perpindahan sekolah dan merantau amat sinonim dalam hidup beliau sejak kecil lagi.

Beliau bergiat aktif dalam sukan tarik tali dan sering menyertai pertandingan sukan Universiti bagi acara tarik tali sejak tahun 2004. Bukan itu sahaja, beliau juga bergiat aktif dalam seni Silat bermula tahun 2005 dan seterusnya dilantik sebagai Jurulatih Gelanggang yang membawa gelaran Timbalan Guru Gelanggang sehingga kini. Berganding bahu bersama ayah dan adik lelaki beliau dalam memajukan Seni Silat Kunci Kesatrian Melayu Warisan Malaysia (SSKMMWM) yang kini mempunyai 2 gelanggang di Taman Sri Permai dan Taman Saujana Kluang.

## KEJOHANAN BOWLING RICC CLUB

Kelab Kebajikan ORICC (*RICC Club*) telah berjaya menganjurkan Kejohanan Bowling RICC Club di antara warga staf ORICC serta Pusat-Pusat Kecemerlangan (CoE) bertempat di Batu Pahat Mall pada 17 April 2015.


Berdasarkan format pertandingan ini setiap staf akan dipecahkan kepada 4 kumpulan yang terdiri daripada:

- Kumpulan 1** - Pusat Inovasi, Pengkomersilan dan Perundingan (ICC) & Unit Pentadbiran
- Kumpulan 2** - Pusat Penyelidikan dan Pembangunan (R&D) & Unit Kewangan
- Kumpulan 3** - Pusat Penyelidikan Tanah Lempu (RECESS) & Pusat Pembuatan dan Bahan Termaju (AMMC)
- Kumpulan 4** - Microelectronics and Nanotechnology - Shamsuddin Research Centre (MiNT-SRC) & Pusat Keserasian Elektromagnetik (EMC)

Sebanyak tiga kategori penyertaan dipertandingkan iaitu kategori perseorangan, kategori *double*, kategori berpasukan serta satu Anugerah Khas disediakan kepada staf yang paling banyak membuat lontaran ke 'longkang'.


Walau bagaimanapun, objektif sebenar pertandingan adalah bertujuan mengeratkan hubungan silaturahim serta membuka ruang interaksi sosial dalam kalangan warga staf ORICC. Selain itu, pertandingan ini dapat memupuk semangat kesukanan yang tinggi serta kerjasama secara berpasukan dalam kumpulan. Namun begitu, yang paling istimewa ialah kejohanan ini turut membuka ruang bagi semua staf untuk menunjukkan kemahiran lontaran masing-masing serta menonjolkan bakat-bakat terpendam dalam permainan bowling.

Pertandingan yang dimulakan pada jam 08.30 malam ini berakhir dengan jayanya pada jam 11.00 malam merupakan aktiviti pertama anjuran RICC Club untuk tahun 2015.





# PENYELIDIKAN DAN INOVASI TAHUN 2014

## DANA PENYELIDIKAN



PEMBIAYA	JUMLAH DANA PENYELIDIKAN (RM)
Dana Kementerian (KPM/MOSTI/ NAPREC/ KETTHA)	10,938,299.00
Dana Agensi Kerajaan/ Badan Berkanun (Malaysia)	118,215.65
Dana Agensi Swasta (Malaysia)	515,505.70
Dana Antarabangsa	712,601.81
Dana Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM)	6,954,380.00
<b>JUMLAH</b>	<b>19,239,002.16</b>

## QS RATING



## FACTS AND FIGURES

BIL.	NAMA PAMERAN	PINGAT			ANUGERAH KHAS
		EMAS	PERAK	GANGSA	
1	MTE 2014	4	5	3	2
2	ITEX 2014	5	9	1	1
3	BIS 2014	3	0	0	3
4	SIIF 2014	7	1	5	1
5	Bio MALAYSIA 2014	1	1	5	-
6	MRC 2014	2	2	1	-
7	i-Inova 2014	3	2	0	1
<b>JUMLAH KESELURUHAN</b>		<b>25</b>	<b>20</b>	<b>15</b>	<b>8</b>

<b>PENERBITAN DIINDEKS SCOPUS</b>	<b>650</b> (JURNAL = 177 PRO-SIDING = 473)
<b>SITASI</b>	<b>1,492</b>
<b>KUMULATIF SITASI (5 TAHUN)</b>	<b>3,919</b>
<b>H-INDEX</b>	<b>22</b>
<b>NISBAH PENERBITAN : STAF AKADEMIK</b>	<b>0.84 (650 : 773)</b>
<b>HARTA INTELEK</b>	<b>77</b>